

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus cemerlang dalam bidang penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, apabila meraih beberapa siri kejayaan dalam penyertaan tiga pameran penyelidikan baru-baru ini.

Pada pameran BioMalaysia 2013 yang telah diadakan di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru, UMS telah menghantar 11 inovasi hasil penyelidikan dengan penglibatan 8 penyelidik. Pada pameran tersebut, UMS telah meraih satu Emas, enam Perak dan empat Gangsa, sekali gus menyaksikan kesemua penyertaan inovasi telah memperoleh anugerah. Pingat emas diraih oleh Pensyarah Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa, Ag. Ahmad Mohd Yunus dengan inovasi bertajuk AyamliTM, satu inovasi baru dalam kaedah pembuatan makanan bagi ternakan ayam.

UMS turut cemerlang pada pameran International Trade Fair, Ideas, Inventions, New Products Exhibition (IENA 2013) di Nuremberg Messe, Nuremberg, Jerman. Dengan penyertaan hanya lima inovasi pada pameran antarabangsa ini, delegasi UMS berjaya meraih satu pingat emas melalui inovasi bertajuk *Innovative Wireless Portable Logger* (WiDaLog) hasil penye-

lidikan pensyarah Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Kenneth Teo Tze Kin. Penyelidik UMS turut meraih dua Perak dan satu Gangsa pada pertandingan tersebut.

Penyertaan UMS pada Ekspo Penyelidikan Dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013 di Kuala Lumpur Convention Centre turut mencatat kejayaan yang memberangsangkan, apabila berjaya meraih lima Emas, lima Perak dan lima Gangsa serta dua Anugerah Khas. Antara penyelidik yang memenangi pingat emas ialah dua orang penyelidik dari Sekolah Perubatan, iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Ifkhar dengan tajuk penyelidikan *Traditional*

Penyelidik UMS cemerlang di Pameran Kebangsaan dan Antarabangsa

Classifications System (TCS) For Fractures In Orthopaedics With Colour Coding, dan Prof. Madya Dr. Maher Sefein. Dr. Muhammad dengan penyelidikan bertajuk *CLIP Methodology*.

Dua penyelidik Institut Penyelidikan Bioteknologi, Dr. Clarence M. Ongkudon dan Wilson Yong Thau Lym turut meraih pingat emas pada pameran tersebut dengan penyelidikan bertajuk *Monolithic Chromatography Adsorbent For Biomolecules Purification dan Euche-Reactor*. Emas kelima disumbangkan oleh Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan dengan tajuk inovasi iaitu *D-JUSTM, An Instant Dehydrated Probiotic Juice*.



WAKIL UMS... Para penyelidik UMS ketika menyertai pertandingan PECIPTA 2013 di Kuala Lumpur.